

30 MAR 2000

Mahathir-Nasihah

ANGGOTA UMNO JANGAN MELATAH, NASIHAT DR MAHATHIR

JITRA, 30 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menasihah para anggota Umno supaya jangan melatah apabila parti pembangkang mengkritik Umno.

Sekiranya mereka melatah, parti pembangkang akan kelihatan seolah-olah mendapat perhatian dan sokongan, serta seolah-olah parti pembangkang betul dan Umno salah.

"Oleh itu, para anggota Umno hendaklah jangan terperangkap dengan parti lawan," kata Dr Mahathir, Presiden Umno yang juga Ketua Umno bahagian Kubang Pasu, ketika menggulung perbahasan persidangan perwakilan Umno bahagian itu di Dewan Jitra, di sini.

Perdana Menteri juga menolak tanggapan kononnya orang yang tidak berpengetahuan mendalam dalam bidang agama, tidak berhak menegur kesilapan yang menyentuh soal agama, yang dibuat oleh orang lain.

"Kalau tidak tegur, kita berdosa dan PAS seolah-olah dengan mudah boleh mencucuk hidung kita untuk mengikut mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata perkara-perkara yang menjadi tegurannya merupakan perkara-perkara asas dalam agama.

"Adakah kita tidak Islam kerana tidak menyokong PAS ? Adakah kita tidak boleh masuk syurga kerana tidak pangkah PAS dalam pilihan raya lepas ? Adakah kita percaya Tuhan mencarut?" tanya beliau.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merujuk kepada hujah yang dibangkitkan oleh seorang anggota perwakilan semasa membahaskan usul agama yang meminta pemimpin mestilah merujuk kepada pakar agama sebelum membuat kenyataan yang menyentuh agama.

"Walaupun saya tidak ada empat senawi dan sijil Universiti Al-Azhar tetapi saya berhak membuat teguran," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau perlu membuat teguran kerana golongan yang arif dalam bidang agama kelihatan berdiam diri sahaja.

Mereka berdiam diri kerana kkuatir kenyataan mereka akan menimbulkan kontroversi, dituduh menyokong Umno dan jadi anjing kerajaan, katanya.

-- BERNAMA

JM+MAN RON